

Tambang KL Monorel RM1 setiap perjalanan sepanjang September

UM - 1 SEP 2003

KUALA LUMPUR 31 Ogos — Sistem transit KL Monorel yang memulakan operasi hari ini menawarkan harga tambang istimewa iaitu RM1 bagi setiap perjalanan sepanjang bulan September ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy berkata, tambang istimewa sempena bulan pengenalan perkhidmatan itu adalah jauh lebih rendah berbanding harga tambang biasa yang bermula serendah RM1.20 sehingga RM2.50 bagi satu perjalanan.

“Sepanjang tempoh itu KL Monorel hanya akan beroperasi bermula pukul 10 pagi hingga 3 petang setiap hari.

“Separuh daripada kutipan tiket sempena bulan pengenalan itu akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan,” katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian sistem transit ke lima bandar raya hari ini.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

KL Monorel yang berkemampuan untuk membawa sebanyak 80,000 penumpang sehari merupakan sistem transit pertama buatan Malaysia.

Kelajuan

Sistem transit sepanjang 8.6 kilometer itu bermula dari Stesen Titiwangsa di Jalan Tun Razak, melalui kawasan segi tiga emas dan berakhir di Stesen KL Sentral di Brickfields.

Dengan purata kelajuan 30 kilometer sejam, ia mampu membawa penumpang dari Stesen Titiwangsa ke Stesen KL Sentral dalam tempoh 19 minit.

Ia akan turut dihubungkan dengan dua sistem transit aliran ringan milik STAR dan PUTRA di stesen Titiwangsa dan stesen

Hang Tuah serta stesen Bukit Nanas dan KL Sentral.

Kong Choy berkata, bermula Oktober pula, KL Monorel akan melanjutkan masa operasi kepada pukul 7 pagi hingga 8 malam berbanding pukul 10 pagi hingga 3 petang sebelum ini.

“Bilangan tren juga akan ditambah kepada enam hingga lapan tren. KL Monorel dijangka berupaya untuk beroperasi pada kapasiti sebenar pada hujung tahun ini,” katanya.

Kong Choy menambah, beliau optimis kehadiran KL Monorel akan membantu mengurangkan masalah kesesakan di beberapa jalan utama sekitar bandar raya.

Mengenai tahap keselamatan, beliau berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana Kementerian dan juga pengeluar sistem berkenaan telah mengambil tindakan sewajarnya,